

Wanita Asia, 'keldai' kegemaran pengedar dadah Afrika

SH 30/6/08 M/S N14

PEGAWAI Tinggi Narkotik India dan Pakistan hari ini mengingatkan kerajaan di Asia Tenggara tentang kemungkinan pengedar dadah dari Afrika meningkatkan kegiatan menggunakan wanita Asia bagi menyeludup heroin ke rantau berkenaan, berikutan penuaian hasil candu lumayan di Afghanistan.

Amaran terbaru ini dikeluarkan beberapa hari selepas Pejabat Bangsa Bersatu Bagi Dadah dan Jenayah (UNDOC) menyiarkan Laporan Dadah Sedunia 2008, yang menyebut bahawa Afghanistan mencatat hasil tuaian candu terbesar tahun lepas, sebanyak 8,200 tan metrik atau 92 peratus daripada jumlah keluaran dunia. Jumlah itu hampir sekali ganda daripada jumlah keluaran candu secara haram dunia sejak 2005.

Timbalan Pengarah Biro Kawalan Narkotik

India (NCB), A P Siddiqui berkata, pengeluaran candu Afghanistan, iaitu bahan mentah bagi penghasilan heroin pada tahun ini akan melebihi 8,000 tan metrik dan membawa kepada pengaliran lebih banyak heroin ke rantau Asia Tenggara, sama ada melalui India atau Pakistan, laluan utama yang sering digunakan pengedar dadah dari Afrika.

"Apabila China muncul sebagai pembeli utama, sudah tentu hasil keluaran Afghanistan yang banyak itu akan sampai ke Malaysia dan Thailand berikutan langkah Myanmar mengurangkan penanaman tanaman itu sejak beberapa tahun lepas," kata Siddiqui kepada Bernama.

Sejak Januari tahun ini, pihak berkuasa India telah menangkap tujuh wanita, kebanyakannya warga Thailand dan Filipina

yang diperalatkan oleh warga Afrika bagi menyeludup heroin dalam kuantiti kecil ke beberapa ibu kota negara Asia.

"Kini, enam wanita Thailand ditahan di Penjara Tihar (Delhi). Pada mulanya, rakyat Nigeria menggunakan wanita Thailand, tapi setelah kami menangkap wanita berkenaan, mereka beralih pula kepada rakyat negara lain, termasuk dari Filipina dan India. Mereka rasa terhimpit sekarang," kata Siddiqui.

Pengarah Direktorat Risikan Hasil India, P Babu pula mengesahkan bahawa pengedar dadah warga Afrika di India kini semakin aktif dan bergantung pada wanita Asia untuk menjalankan kegiatan kotor mereka.

"Siasatan awal kami mendapati bahawa kumpulan dari Nigeria terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah ini dan mengupah wanita

yang menjadi penumpang pesawat sebagai menyeludup. Kami tidak boleh katakan secara pasti bahawa destinasi utama mereka ialah Kuala Lumpur, tapi apa yang memeranjatkan ialah Kuala Lumpur menjadi laluan popular mereka," kata Babu.

Pakistan, yang berjiran dengan India dan sering dijadikan transit oleh pengedar dadah, juga menjadi sarang bagi pengedar dadah wanita, yang digunakan oleh kumpulan pengedar dadah antarabangsa yang mendapat bekalan dari Afghanistan.

Dalam tempoh enam bulan lepas, ejen narkotik Pakistan merampas sejumlah 50kg heroin dan 1,150kg hashish daripada pengedar yang berasal dari pelbagai negara, termasuk tiga warga Afrika dan seorang rakyat Thailand.

-BERNAMA